

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)13

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

13. Apakah rancangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menyelesaikan masalah banjir di DUN Batu Uban khususnya seperti di Medan Kampung Relau (hadapan Alora Hostel), Sungai Dua, Minden Heights dan Taman Brown?
- (a) Senaraikan butiran projek berserta kos dan bilakah projek ini akan dilaksanakan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Masalah banjir yang dinyatakan oleh YB. ADUN Batu Uban adalah banjir disebabkan oleh sistem perparitan dalaman yang tidak dapat menampung aliran air dan hujan dalam kapasiti yang tinggi. Hasil pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di tapak menunjukkan banjir di Medan Kampung Relau (hadapan Alora Hostel) hanya berada di atas jalan raya manakala tiada sungai di lokasi Minden Heights dan Taman Brown.

Perancangan JPS untuk mengatasi masalah banjir adalah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai

Dua Besar di Lembangan Sungai Dua yang juga mengambil kira isu banjir kilat di Minden Heights. Walau bagaimanapun buat masa ini tiada perancangan RTB di lokasi Medan Kampung Relau dan Taman Brown oleh JPS.

- (a) JPS dalam proses lantikan perunding rekabentuk bagi Projek RTB Sungai Dua Besar dengan peruntukan sebanyak RM45 juta dan pembinaan fizikal dijangka bermula pada tahun 2022.